

JUN
2022

Aspirasi
Keperibadanan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI - TINGGI TAHNIAH

Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di - Pertuan Agong, Al - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al - Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al - Musta'in Billah sempena ulang tahun Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di - Pertuan Agong pada 6 Jun 2022 bersamaan 6 Zulkaedah 1443 Hijrah.

Dingahayu

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TAHNIAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
R.A.P., I.C.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.M.P., D.K. (Terengganu), D.K. (Johor),
S.I.M., D.K.M.O. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K. (Perlis), D.K. (Terak), D.K. (Selangor).

sempena
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU

pada
6 JUN 2022 (ISNIN) BERSAMAAN 6 ZULKAEDAH 1443 HURAH

Sembah Tahniah daripada
Pegawai
ABB Perak, Pengurus
serta
Skuad Anggotanya, Kumpulan PERIP

PKNP



MAJLIS PERSARAAN DAN ANUGERAH CEMERLANG ANGGOTA PEKERJA PKNP 2021

Kuantan, 1 Jun - Anggota pekerja PKNP diingatkan untuk sentiasa menjaga integriti sebagai penjawat awam dengan melaksanakan tugas dengan amanah, jujur dan bertanggungjawab.

Itu adalah antara intipati ucapan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar semasa merasmikan Majlis Persaraan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.

"Saya ingin berterima kasih kepada semua anggota pekerja PKNP yang telah menjalinkan kerjasama yang baik dalam memulihkan perniagaan PKNP pasca Covid - 19", tambah beliau.

Pada majlis ini, seramai empat orang pesara diraikan termasuk mantan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun. Selain itu, majlis ini turut meraikan Encik Mohd Rafe bin Meon, Puan Wan Karimah binti Wan Yaakob dan Puan Norzaini binti Ahmad.

Selain itu, 11 orang anggota pekerja PKNP menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021. Malah, tiga orang anggota pekerja PKNP menerima insentif 25 tahun perkhidmatan.

Majlis pada hari ini turut meraikan 10 orang peserta Program Eksekutif Pelatih Siri 5 yang telah tamat pada 31 Mac 2022.



"Untuk Album"...Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar serta Pengurusan Tertinggi PKNP bergambar bersama para pesara yang diraikan.

Tidak dilupa, penghargaan turut diberikan kepada barisan Ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sesi 2020 - 2022 yang diketuai oleh Encik Mohd Lizam bin Jemal. Watikah perlantikan juga diberikan kepada barisan Ahli Bersama Jabatan (MBJ) sesi 2022 - 2024 yang diketuai oleh Encik Issma Rohaizad bin Abdul Wahab.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Bahagian dan Unit PKNP serta anggota pekerja PKNP.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN PKNP PAHANG BERHAD KALI KE - 28



TKPE (Pembangunan) bergambar bersama Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Berhad selepas upacara perasmian

Kuantan, 19 Jun - Seramai 255 orang ahli Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad (Koop PKNP) telah menghadiri Mesyuarat Agung kali ke - 28 pada 19 Jun 2022.

Mesyuarat telah diadakan di Dewan Orked, Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Sesi perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.



Majlis telah dijalankan dalam suasana teratur dan terkawal


Untuk rekod, Koperasi PKNP telah mencatatkan keuntungan RM 85,510.00 pada tahun 2021 berbanding RM 210,938.00 pada tahun 2020.

Pemberian dividen ke atas saham adalah 3% pada tahun 2021 berbanding 6% pada tahun 2020.

Manakala, pemberian dividen ke atas yuran adalah 3% pada 2021 berbanding 6% pada tahun 2020.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengerusi Koperasi PKNP, YH. Dato' Haji Ahmad Sabri bin Hussin, Mantan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Ahli - Ahli Koperasi PKNP.

TUMBUK RUSUK : PENGKISAHAN DARI TIRAI BESI DAN SYSTEMIC CORRUPTION



Encik Mohd Firdaus mempunyai pengalaman luas sebagai penceramah melibatkan isu - isu rasuah

Kuantan, 3 Jun - Nilai integriti antara tonggak utama dalam memastikan penyampaian perkhidmatan organisasi berfungsi secara efektif dan efisien. Apabila nilai integriti rapuh, ditambah dengan ruang dan peluang mendapat habuan lumayan daripada pihak berkaitan, maka kecenderungan untuk terjerumus dalam isu rasuah ini adalah besar.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapan beliau semasa Majlis Persaraan Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP baru - baru ini menekankan budaya dan nilai integriti yang perlu disemarakkan oleh seluruh anggota pekerja kerana ianya adalah titik permulaan kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Sehubungan itu, Ceramah Pengukuhan Integriti yang bertajuk Tumbuk Rusuk: Pengkisahan Dari Tirai Besi & Systemic Corruption telah dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom pada 3 Jun 2022 yang lalu yang disertai oleh seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Ramlan daripada CJ Global Venture. Turut hadir adalah YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), pengurus-pengurus bahagian/unit PKNP dan pengurus-pengurus anak syarikat PKNP.



Seramai lebih 120 anggota pekerja PKNP menyertai program secara dalam talian

GEMAPUTERA ANJUR KURSUS PREPARING WORKFORCE OF THE FUTURE, THE COMPETING FORCES SHAPING 2030



Pengurus Besar PPES bergambar bersama peserta kursus yang hadir

Kuantan, 15 Jun - Memahami keperluan pasaran masa kini dan mengambil langkah wajar dan tepat bagi persediaan pasaran tenaga masa depan antara fokus program Preparing Workforce of the Future, the Competing Forces Shaping 2030 yang berlangsung

selama dua hari bermula 14 Jun - 15 Jun 2022 di Grand Margherita Hotel, Kuching, Sarawak.

PKNP diwakili oleh Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Pengurus Pembangunan Hartanah, Kapten Azis bin Muhamad.

Keadaan pasaran kerja masa kini telah banyak berubah dan risiko - risiko baharu juga telah dikenalpasti, kata Tuan Haji Md Daud.

Menurut Jabatan Statistik Negara, selepas pandemik melanda Malaysia, pasaran buruh bertambah baik dengan kadar pengangguran berada pada 3.9%. Ini didorong oleh pelbagai dasar sokongan dilaksanakan kerajaan dan kadar vaksinasi yang tinggi.

Kursus selama dua hari ini di bawah anjuran Jawatankuasa Latihan Gemaputera yang dipengerusikan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Upacara perasmian telah dilakukan oleh Pengurus Besar PPES, Tuan Haji Abdul Hadi bin Datuk Haji Abdul Kadir.

KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP ANJUR PROGRAM DAH KUGHUIH BELUM WEH



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP berbangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh anggota pekerja PKNP dalam program ini

Kuantan, 3 Jun - Sakit itu mahal kerana melibatkan kos yang tinggi dan menjadi sihat itu memerlukan disiplin yang tinggi, kata Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapannya sewaktu Majlis Penyampaian Hadiah Program 'Dah Kughuih Belum Weh!'.

"Saya sangat menggalakkan program - program sebegini yang membudayakan gaya hidup sihat dengan penekanan kepada aspek penjagaan berat badan," kata beliau.

Program anjuran Kelab Keluarga Kumpulan PKNP diadakan bertujuan untuk membudayakan amalan hidup sihat dalam kalangan anggota pekerja Kumpulan PKNP di samping untuk mengekalkan berat badan yang ideal.

Dalam majlis ini, Bahagian ICT memperoleh tempat pertama bagi kategori Bahagian/Unit manakala Unit Kawalan Risiko & Integriti mendapat tempat kedua diikuti oleh Bahagian Perindustrian.

Bagi kategori individu, tempat pertama dimenangi oleh Puan Rohazida binti Harun dari Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia yang berjaya menurunkan 14kg berat badan. Tempat kedua pula dimenangi oleh Puan Norisah binti Hitam dari Bahagian ICT dan tempat ketiga dimenangi oleh Puan Hasnah binti Hamid dari Bahagian Hal Ehwal Korporat.

Program yang dijalankan bermula 4 April hingga 3 Jun 2022 ini disertai oleh 155 orang anggota pekerja PKNP dan anak syarikat PKNP. Seramai 79 anggota pekerja PKNP berjaya mencapai berat badan ideal.



Bahagian ICT julang tempat pertama bagi kategori bahagian/unit

PKNP DAN APAM KUANTAN ANJUR KURSUS LATIHAN PENGENDALIAN BOT DAN ASAS MENYELAMAT DI AIR

Kuantan, 15 Jun - Seramai 25 anggota pekerja PKNP menyertai kursus latihan Pengendalian Bot dan Asas Menyelamat di Air selama 2 hari bermula 15 -16 Jun 2022 di Jeti Esplanade MBK, Kuantan.

Kursus ini dianjurkan oleh PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli Skwad Bencana PKNP dengan kemahiran penyelamat di air dan pengendalian bot yang betul serta memastikan mereka sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi musim banjir.

Majlis penutup dan penyampaian sijil tamat latihan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim dan Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim.



Kursus selama dua hari ini menjadi landasan kepada anggota pekerja yang terlibat untuk mendalami ilmu menyelamat asas.



Para peserta diberikan taklimat sebelum aktiviti air dijalankan.



KEJOHANAN BOLING TERTUTUP KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP



MAJLIS SOLAT HAJAT DAN DOA SELAMAT PKNP



PERLAWANAN PERSAHABATAN PKNP VS KELAB PEJABAT TANAH DAERAH KUANTAN (PETANDA)



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
Muhammad Faleq Aidid bin Mohd Shamsul Kahar